

ZAKAT PADA KACAMATA SISWA-SISWI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG DARI ASPEK KEPENGETAHUAN

Hasmadi bin Hassan

Universiti Malaysia Pahang

ABSTRAK

Kekurangan kefahaman dan pengetahuan masyarakat tentang zakat mungkin menjadikan ibadah ini seakan-akan dikesampingkan cuma. Sebagai satu cerminan dan prediksi terhadap masyarakat di negara ini pada masa hadapan khususnya yang beragama Islam, satu kajian dijalankan bagi mengenal pasti tahap kepengetahuan zakat dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Pahang(UMP). Seramai 202 orang pelajar UMP Kampus Pekan diambil sebagai responden kajian. Mereka terdiri daripada pelajar yang beragama Islam dan juga yang bukan beragama Islam. Data dipungut menerusi borang soal selidik dan dianalisis secara kuantitatif. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan pelajar UMP terhadap ibadah zakat secara kesuluruhannya adalah berada pada tahap yang sederhana sahaja. Jurusan pengajian dan latar belakang pendidikan responden yang berasaskan teknologi dan kejuruteraan tidak sewajarnya dijadikan penyebab atas kelemahan ini. Ini kerana majoriti mahasiswa di sini adalah terdiri daripada penganut agama Islam. Usaha dan langkah proaktif perlu dilakukan oleh semua pihak samada pihak autoriti di peringkat universiti, negeri dan kebangsaan serta badan-badan bukan kerajaan agar kekurangan kefahaman dan kepengetahuan tentang zakat dalam kalangan pelajar UMP khususnya yang beragama Islam dapat diatasi. Mahasiswa hari ini yang mencerminkan masyarakat Islam Malaysia pada masa akan datang perlu diberi penekanan dalam hal ini kerana mereka adalah generasi pemimpin masa hadapan.

PENDAHULUAN

Zakat pada umumnya membawa maksud 'membersihkan' atau 'pembersihan'. Dalam agama Islam, Zakat bermakna membersihkan kekayaan seorang muslim mengikut perintah Allah SWT; mengakui bahawa semua yang kita miliki adalah milik Allah SWT dan berusaha ke arah kebaikan umat Islam. Zakat dalam Islam merupakan ibadah dan satu kefardhuan kepada umatnya juga mempunyai pengaruh yang penting dalam sistem